

28 NOV 2002

INOKOM- ATOS/I

MAHATHIR HARAP INOKOM ATOS BOLEH DIKELUARKAN BAGI EKSPORT SELEPAS AFTA

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap bahawa kenderaan pelbagai fungsi (MFV), INOKOM Atos, yang dibuat oleh Industri Otomotif Komersial (INOKOM) Corporation Sdn Bhd boleh dikeluarkan untuk eksport selepas pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) bagi kenderaan bermotor pada tahun 2005.

Dr Mahathir berkata, kenderaan itu terpaksa bersaing sengit dengan pasaran khususnya selepas AFTA dilaksanakan.

"Saya harap syarikat ini akan mempelajari daripada rakan kongsinya dari Korea tentang bagaimana hendak mengurangkan kos kereta nasional kerana Korea merupakan pembuat kereta yang sangat baik dan harganya pula rendah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani Pensijilan bagi Pengeluaran Besar-besaran INOKOM Atos antara Inokom Corporation Sdn Bhd dan Hyundai Corporation, Korea, di sini.

Inokom telah diwakili oleh pengerusinya, Amer Hamzah Ahmad manakala Hyundai diwakili oleh naib pengerusinya, Park Byung Jae.

Dr Mahathir kemudiannya membuat pandu uji selama hampir 15 minit di sekitar Putrajaya, dengan diiringi oleh Amer dan Park.

Dalam satu perkembangan lain, Amer memberitahu pemberita bahawa INOKOM akan mengekalkan namanya dan tidak akan mengubah rekabentuk kenderaan berkenaan kerana Atos telah diterima baik di negara-negara Asean.

Tetapi, Atos yang dieksport ke negara-negara Asean selepas AFTA akan dibuat di Malaysia.

Kenderaan berkeupayaan enjin satu liter dan diasaskan kepada model Hyundai ATOS yang ada sekarang itu dijangka dikeluarkan untuk pasaran tempatan tahun ini juga.

Kenderaan itu akan dijual pada harga RM43,000 di atas jalan dan INOKOM mensasarkan jualan di antara 15,000 dan 20,000 unit dalam tempoh 12 bulan selepas dilancarkan.

Syarikat itu tidak akan tergesa-gesa mengeluarkannya kerana apa yang lebih penting ialah kualiti bukannya kuantiti, kata Amer sambil menambah bahawa usaha-usaha telah dibuat untuk menaikkan taraf kilangnya di Kulim, Kedah.

"Kita ada masa dua tahun lagi untuk melaksanakan kerja-kerja menaikkan taraf," katanya.

Menyentuh tentang model-model Hyundai lain yang akan dibuat oleh Inokom pada masa akan datang, beliau berkata, sekurang-kurangnya ada dua lagi model dalam perancangan tetapi tumpuan sekarang adalah untuk menjadikan INOKOM Atos satu kejayaan. -- BERNAMA

AKT KTC KY AA